

CABARAN BEKAS PENAGIH DADAH DALAM MENGEKALKAN PEMULIHAN DAN MENCEGAH RELAPS

(CHALLENGES FACED BY FOREIGN DRUG ADDICTS IN MAINTAINING RECOVERY AND PREVENTING RELAPS)

HASDIN, N. A.^{1*} – SUADIK, M.^{1,2}

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Kursi Kadazan-Dusun, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: ikhinhasdin[at]gmail.com*

(Received 16th May 2026; revised 27th June 2026; accepted 04th July 2026)

Abstrak. Makalah ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh bekas penagih dadah dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps selepas melalui proses rawatan dan rehabilitasi. Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor sosial, ekonomi dan persekitaran yang mempengaruhi usaha mereka untuk kekal bebas daripada penyalahgunaan dadah. Kajian kualitatif yang dijalankan di daerah Kota Belud ini melibatkan temu bual mendalam dengan lima orang bekas penagih dadah yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa stigma sosial memberi kesan yang ketara terhadap keyakinan diri bekas penagih untuk menjalani proses pemulihan. Faktor ini turut mempengaruhi persepsi mereka terhadap penerimaan semula masyarakat serta proses reintegrasi dalam komuniti. Manakala, faktor ekonomi seperti kemiskinan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan pula didapati menjadi antara faktor penting yang mendorong berlakunya relaps. Pengaruh rakan yang masih terlibat dengan penyalahgunaan dadah turut dikenal pasti sebagai faktor signifikan yang mendorong keterlibatan semula bekas penagih dengan dadah. Sebaliknya, motivasi dan sokongan keluarga merupakan faktor utama yang membantu informan mengekalkan pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pemulihan dan pencegahan berlakunya relaps bukan semata-mata bergantung kepada individu, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi dan persekitaran. Oleh itu, pendekatan holistik melibatkan keluarga, komuniti dan institusi sokongan adalah amat penting bagi memastikan pemulihan kekal dalam kalangan bekas penagih dan mengelakkan berlakunya relaps.

Katakunci: *bekas penagih dadah, relaps, stigma sosial, tekanan ekonomi, rakan sebaya, komuniti luar bandar*

Abstract. This paper examines the challenges faced by former drug addicts in maintaining recovery and preventing relapse following treatment and rehabilitation. The study focuses on the social, economic and environmental factors that influence their efforts to remain free from drug abuse. A qualitative study was conducted in the district of Kota Belud, Sabah, involving in-depth interviews with five former drug addicts selected through purposive sampling. The findings reveal that social stigma has a significant impact on former addicts' self-confidence in sustaining the recovery process. This factor also shapes their perceptions of societal acceptance and influences their reintegration into the community. Economic factors, particularly poverty and difficulties in securing employment, were identified as important contributors to relapse. In addition, the influence of peers who continue to engage in drug abuse was found to be a significant factor encouraging former addicts to return to drug use. Conversely, personal motivation and family support emerged as the primary factors that helped participants maintain their recovery. The findings suggest that recovery and relapse prevention are not solely dependent on individual efforts but are also shaped by broader social, economic and environmental conditions. Therefore, a holistic approach involving families, communities, and support institutions is essential to ensure sustained recovery among former drug addicts and to reduce the risk of relapse.

Keywords: *former drug addicts, relapse, social stigma, economic stress, peer influence, rural community*

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah merupakan antara masalah sosial dan kesihatan awam yang terus menjadi cabaran global kerana implikasinya terhadap keselamatan sosial, kesejahteraan keluarga dan pembangunan komuniti. Dari perspektif Sosiologi Jenayah, penyalahgunaan dadah bukan sekadar tingkah laku individu, tetapi merupakan fenomena sosial yang dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor struktur dan agensi manusia (Gupta, 2024). Tingkah laku penyalahgunaan dadah sering dikaitkan dengan proses pembelajaran sosial, tekanan sosial, marginalisasi ekonomi serta pengaruh persekitaran yang membentuk kecenderungan individu untuk terlibat atau kembali terlibat dalam penggunaan dadah (Flores, 2022; Baba et al., 2018; Xian et al., 2000). Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh bekas penagih selepas menjalani rawatan dan pemulihan sering kurang diberi perhatian berbanding isu penagihan itu sendiri. Dalam konteks ini, proses mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps merupakan aspek penting dalam menentukan kejayaan jangka panjang sesuatu program pemulihan. Oleh itu, pemahaman terhadap isu penagihan dadah dan pemulihan perlu melangkaui penjelasan berasaskan faktor individu semata-mata dengan mengambil kira konteks sosial yang membentuk pengalaman hidup bekas penagih. Di Malaysia, penyalahgunaan dadah masih merupakan isu yang membimbangkan. Statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (2025) menunjukkan bahawa seramai 191,832 individu terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan menjalani rawatan serta pemulihan pada tahun 2025 berbanding 192,857 orang pada tahun 2024. Namun, walaupun berlaku penurunan kira-kira 0.5 peratus, isu penyalahgunaan dadah masih melibatkan jumlah yang besar dalam kalangan pelbagai peringkat umur. Kadar penurunan jumlah tersebut menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah masih banyak berlaku dalam masyarakat dan terus menjadi cabaran utama dalam usaha membina komuniti yang sejahtera. Lebih membimbangkan, isu relaps dalam kalangan bekas penagih masih kekal sebagai antara halangan utama kepada kejayaan program pemulihan jangka panjang dan menyeluruh di negara ini (Baba et al., 2018).

Pemulihan daripada ketagihan dadah merupakan satu proses yang kompleks, dinamik dan berterusan. Dalam konteks kajian ini, pemulihan dan relaps merupakan dua konsep yang saling berkaitan dalam memahami pengalaman bekas penagih dadah selepas menjalani rawatan dan rehabilitasi. Relaps merujuk kepada keadaan apabila seseorang individu kembali menggunakan dadah setelah melalui proses rawatan atau pemulihan (Hussin et al., 2020). Menurut National Institute on Drug Abuse (NIDA) (2020), pemulihan bukanlah satu keadaan yang bersifat kekal, sebaliknya memerlukan sokongan dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan individu dapat mengekalkan perubahan tingkah laku yang positif. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kejayaan pemulihan tidak hanya bergantung kepada motivasi dan keazaman individu semata-mata (Noor dan Kamarudin, 2015), tetapi turut dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi dan persekitaran yang membentuk kehidupan harian bekas penagih dadah (Ariffin et al., 2019; Jasni et al., 2018; Best et al., 2016). Faktor-faktor ini berperanan penting dalam menentukan sama ada seseorang individu mampu mengekalkan pemulihan atau kembali terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Antara cabaran utama yang sering dihadapi oleh bekas penagih dadah ialah stigma sosial dan diskriminasi masyarakat. Stigma merujuk kepada label negatif yang diberikan kepada seseorang individu dianggap berkelakuan menyimpang daripada norma masyarakat dan seterusnya mengalami penolakan sosial (Mohamad et al., 2024; Goffman, 1963). Dalam konteks pemulihan dadah, stigma boleh menjejaskan keyakinan diri, menghalang akses

kepada peluang pekerjaan, serta menyukarkan proses reintegrasi sosial dalam komuniti (Jasni et al., 2025; Mohamad et al., 2024). Keadaan ini berpotensi meningkatkan tekanan psikologi dan seterusnya mendorong individu kembali kepada tingkah laku penagihan sebagai mekanisme untuk menghadapi tekanan yang dialami.

Selain stigma sosial, faktor ekonomi turut dikenal pasti sebagai cabaran penting dalam mengekalkan pemulihan. Bekas penagih sering berhadapan dengan kesukaran mendapatkan pekerjaan akibat persepsi negatif majikan, terutama dalam kalangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah atau kurang kemahiran bersesuaian dengan keperluan pasaran pekerjaan (Hussin dan Ismail, 2018). Ketidakstabilan ekonomi dan kemiskinan yang berterusan boleh mewujudkan tekanan hidup yang meningkatkan risiko relaps (Seddon, 2010). Dalam masa yang sama, pengaruh rakan sebaya yang masih terlibat dalam penyalahgunaan dadah juga merupakan faktor signifikan yang boleh mempengaruhi keputusan individu untuk kembali menggunakan dadah (Said et al., 2021). Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan bahawa tingkah laku devian dipelajari dan dikekalkan melalui interaksi sosial yang berulang dalam kumpulan rakan sebaya (Ibrahim et al., 2018). Oleh itu, relaps tidak boleh ditafsirkan semata-mata sebagai kegagalan individu untuk berubah, tetapi perlu difahami dalam konteks hubungan sosial, peluang ekonomi dan struktur komuniti yang membentuk pengalaman hidup bekas penagih dadah. Walaupun pelbagai usaha pencegahan, rawatan dan pemulihan telah dilaksanakan oleh kerajaan antaranya melalui AADK dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), isu relaps masih terus dilaporkan dalam kalangan bekas penagih dadah. Situasi ini menunjukkan bahawa keberkesanan program pemulihan tidak boleh diukur semata-mata berdasarkan kejayaan menghentikan penggunaan dadah semasa tempoh rawatan, tetapi perlu dinilai melalui keupayaan individu untuk mengekalkan pemulihan selepas kembali ke dalam masyarakat. Dalam hal ini, perhatian perlu diberikan kepada fasa pasca-pemulihan yang sering menerima penekanan yang lebih terhad berbanding fasa rawatan dan rehabilitasi (Jasni et al., 2018). Fasa ini melibatkan pelbagai cabaran penyesuaian semula yang memerlukan sokongan berterusan serta akses kepada sumber dan peluang yang dapat membantu bekas penagih membina kehidupan yang lebih stabil. Oleh itu, pemulihan perlu difahami sebagai suatu proses yang berlanjutan melepasi institusi rawatan dan terus berlangsung dalam ruang sosial yang lebih luas selepas seseorang individu kembali ke komuniti (Jasni et al., 2019). Kegagalan mengekalkan pemulihan bukan sahaja memberi implikasi kepada individu, malah boleh menjejaskan usaha reintegrasi sosial, kestabilan keluarga dan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan.

Dalam konteks komuniti luar bandar seperti Kota Belud, proses pemulihan bekas penagih dadah berlaku dalam persekitaran sosial yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan jaringan komuniti yang rapat. Keadaan ini berpotensi mempengaruhi pengalaman pemulihan sama ada secara positif atau negatif, khususnya dalam usaha mengekalkan perubahan tingkah laku selepas menjalani rawatan dan rehabilitasi. Oleh itu, pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran yang dihadapi oleh bekas penagih dalam kehidupan seharian adalah penting bagi memperkukuh strategi pemulihan dan pencegahan relaps. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh bekas penagih dadah dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps dalam komuniti luar bandar di Kota Belud, Sabah.

Pemulihan dan relaps bekas penagih dadah: Perspektif literatur

Pemulihan daripada ketagihan dadah dan pencegahan relaps telah menjadi antara bidang penyelidikan yang semakin mendapat perhatian dalam sosiologi, kriminologi dan kajian kesihatan awam. Walaupun ketagihan sering ditafsirkan sebagai masalah individu atau gangguan kesihatan, semakin banyak kajian menunjukkan bahawa kejayaan pemulihan turut dipengaruhi oleh konteks sosial yang melingkungi kehidupan bekas penagih dadah. Dari perspektif Sosiologi Jenayah, tingkah laku penyalahgunaan dadah dan relaps tidak boleh difahami secara terasing daripada struktur sosial, hubungan sosial dan pengalaman hidup individu dalam komuniti mereka (Nasir et al., 2020; Talib, 2012). Salah satu perspektif yang sering digunakan untuk memahami pengalaman bekas penagih ialah Teori Pelabelan yang diperkenalkan oleh Becker (1963). Teori ini menjelaskan bahawa individu yang dilabel sebagai penyimpang berisiko mengalami pengasingan sosial dan kesukaran untuk melepaskan diri daripada identiti devian yang telah dilekatkan kepada mereka. Dalam konteks pemulihan dadah, stigma yang berterusan boleh menyebabkan bekas penagih berhadapan dengan penolakan sosial, diskriminasi pekerjaan dan kesukaran membina semula hubungan sosial (Nasir et al., 2020; Talib, 2012). Sehubungan itu, Goffman (1963) berhujah bahawa stigma bukan sahaja menjejaskan identiti individu, malah mengehadkan peluang mereka untuk diterima semula dalam masyarakat (Jasni et al., 2025; Mohamad et al., 2024). Kajian-kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa stigma berstruktur boleh menghalang akses kepada pekerjaan, perumahan dan sokongan sosial, sekali gus meningkatkan risiko pengasingan sosial dan relaps (Link et al., 2018; Link dan Phelan, 2001).

Kajian-kajian terkini juga menunjukkan bahawa relaps bukan semata-mata berpunca daripada kegagalan individu mengekalkan disiplin diri, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor sosial yang berada di luar kawalan mereka. Menurut Volkow et al. (2016), ketagihan dadah merupakan gangguan kronik yang melibatkan faktor biologi, psikologi dan sosial yang saling berinteraksi. Walaupun rawatan dan rehabilitasi dapat membantu individu menghentikan penggunaan dadah, risiko relaps masih kekal tinggi apabila mereka kembali kepada persekitaran sosial yang tidak menyokong proses pemulihan. Laporan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) (2024) turut menunjukkan bahawa kadar relaps masih tinggi di banyak negara walaupun pelbagai program rawatan telah dilaksanakan. Situasi ini menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan rawatan semata-mata tidak mencukupi tanpa sokongan sosial yang berterusan dalam komuniti. Selain stigma sosial, tekanan ekonomi turut dikenal pasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi kejayaan pemulihan. Kajian McCoy et al. (2018) mendapati bahawa pengangguran, ketidakstabilan pekerjaan dan kemiskinan merupakan antara faktor yang meningkatkan risiko relaps dalam kalangan bekas penagih dadah. Kesukaran mendapatkan pekerjaan bukan sahaja menjejaskan kestabilan ekonomi, malah turut mempengaruhi keyakinan diri bekas penagih untuk membina kehidupan baharu selepas pemulihan (Hussin dan Ismail, 2018). Dalam banyak keadaan, bekas penagih berhadapan dengan diskriminasi pasaran kerja yang menyebabkan mereka terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan marginalisasi sosial. Oleh itu, faktor ekonomi tidak boleh dilihat sebagai isu sampingan, sebaliknya merupakan sebahagian daripada struktur sosial yang mempengaruhi kelangsungan pemulihan (McCoy et al., 2018).

Di samping itu, pengaruh rakan sebaya terus menjadi antara faktor yang paling konsisten dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah dan relaps. Teori Pergaulan Berbeza (Differential Association Theory) yang diperkenalkan oleh Sutherland (1947)

menjelaskan bahawa tingkah laku devian dipelajari melalui interaksi sosial yang berterusan dengan individu yang menyokong atau mengamalkan tingkah laku tersebut (Jasni et al., 2021). Dalam konteks pemulihan, bekas penagih yang kembali berinteraksi dengan rakan-rakan yang masih terlibat dalam penyalahgunaan dadah berisiko tinggi untuk terdedah semula kepada norma dan amalan yang menggalakkan penggunaan dadah (Said et al., 2021; Ibrahim et al., 2018). Kajian oleh Dahl dan Gornik (2021) dan Kelly et al. (2006) menyokong pandangan ini dengan menunjukkan bahawa jaringan sosial yang didominasi oleh pengguna dadah merupakan antara peramal utama kepada berlakunya relaps. Walau bagaimanapun, literatur turut menunjukkan kewujudan faktor perlindungan yang mampu membantu bekas penagih mengekalkan pemulihan. Antara faktor yang paling signifikan ialah sokongan keluarga, hubungan sosial yang positif dan motivasi diri (Nasir et al., 2020; Link et al., 2018; Talib, 2012; Link dan Phelan, 2001). Zaidi (2020) dan Atadokht et al. (2015) mendapati bahawa sokongan emosi dan sosial daripada ahli keluarga memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko relaps dan meningkatkan kestabilan pemulihan jangka panjang. Penemuan ini menunjukkan bahawa proses pemulihan bukan hanya bergantung kepada keupayaan individu untuk mengawal tingkah laku mereka, tetapi turut dipengaruhi oleh kewujudan jaringan sokongan sosial yang membantu mereka menghadapi cabaran selepas menjalani rawatan.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek psikologi, keberkesanan program rawatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah secara umum. Walaupun faktor sosial seperti stigma, tekanan ekonomi dan pengaruh rakan sebaya telah dibincangkan dalam beberapa kajian, penelitian yang mengkaji interaksi faktor-faktor tersebut dalam pengalaman pasca-pemulihan bekas penagih dadah, khususnya dalam konteks komuniti luar bandar di Sabah, masih terhad. Keadaan ini mewujudkan jurang pengetahuan berkaitan bagaimana faktor sosial, ekonomi dan persekitaran membentuk usaha bekas penagih untuk mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti pengalaman hidup bekas penagih dadah dalam komuniti luar bandar di Kota Belud, Sabah.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh bekas penagih dadah dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami pengalaman hidup, tafsiran dan makna yang diberikan oleh individu terhadap realiti sosial yang mereka alami (Creswell dan Poth, 2016). Pendekatan ini bersesuaian dengan kajian yang memberi tumpuan kepada bagaimana stigma sosial, tekanan ekonomi, pengaruh rakan sebaya dan sokongan sosial membentuk pengalaman pemulihan bekas penagih dadah selepas menjalani rawatan dan rehabilitasi. Kajian ini telah dijalankan di perkampungan luar bandar di daerah Kota Belud, Sabah. Pemilihan lokasi kajian dibuat secara bertujuan berdasarkan ciri-ciri komuniti yang mempunyai hubungan sosial yang rapat. Corak hubungan ini membolehkan data mengenai pengalaman individu sebagai bekas penagih dadah dapat dikaji dengan lebih menyeluruh. Dari perspektif sosiologi, komuniti luar bandar menawarkan konteks sosial yang signifikan untuk memahami bagaimana hubungan sosial, norma komuniti dan

peluang ekonomi mempengaruhi proses reintegrasi sosial serta risiko relaps dalam kalangan bekas penagih.

Informan kajian terdiri daripada lima orang bekas penagih dadah yang telah melalui proses pemulihan. Pemilihan informan dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu pernah terlibat dalam penyalahgunaan dadah, telah menjalani proses pemulihan, dan bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka secara sukarela. Pemilihan informan secara bertujuan membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang mendalam daripada individu yang mempunyai pengalaman langsung berkaitan fenomena yang dikaji (Creswell dan Poth, 2016). Data kajian dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian tidak ikut serta. Temu bual separa berstruktur dipilih kerana kaedah ini memberi ruang kepada informan untuk menghuraikan pengalaman, pandangan dan cabaran yang mereka hadapi secara mendalam (Creswell dan Poth, 2016). Ia juga membolehkan penyelidik mengekalkan fokus kepada tema-tema utama kajian. Soalan temu bual dalam penyelidikan ini memberi tumpuan kepada pengalaman pemulihan, persepsi terhadap stigma masyarakat, cabaran ekonomi, pengaruh rakan sebaya, serta peranan sokongan keluarga dan komuniti dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps. Selain temu bual, pemerhatian tidak ikut serta turut dijalankan bagi memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh tentang persekitaran sosial informan dan interaksi mereka dalam komuniti. Kaedah ini membantu penyelidik memahami konteks sosial yang membentuk pengalaman pemulihan, khususnya berkaitan hubungan sosial, penerimaan komuniti dan peluang ekonomi yang tersedia kepada bekas penagih dadah.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Analisis tematik dipilih kerana kaedah ini sesuai untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir pola makna yang muncul daripada data kualitatif. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat, iaitu transkripsi temu bual, pembacaan berulang data, proses pengkodan awal, pengelompokan kod kepada tema yang lebih luas, semakan tema, dan seterusnya pentafsiran data berdasarkan persoalan kajian dan kerangka konseptual yang digunakan. Melalui proses ini, beberapa tema utama telah dikenal pasti, termasuk stigma sosial, tekanan ekonomi, pengaruh rakan sebaya, sokongan keluarga dan motivasi diri sebagai faktor yang mempengaruhi kelangsungan pemulihan dan risiko relaps. Bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan, penyelidik menjalankan semakan berulang terhadap transkripsi dan tema yang dikenal pasti bagi memastikan keselarasan antara data dan interpretasi yang dibuat. Di samping itu, pertimbangan etika turut diberi perhatian sepanjang proses penyelidikan. Semua informan telah diberikan penerangan mengenai tujuan kajian dan menandatangani borang persetujuan termaklum sebelum sesi temu bual dijalankan. Identiti kampung dan informan dirahsiakan antaranya melalui penggunaan pseudonim, dan mereka diberi hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Langkah-langkah ini penting bagi melindungi privasi informan serta memastikan integriti dan kredibiliti penyelidikan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Cabaran bekas penagih dadah dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps

Analisis tematik terhadap pengalaman lima orang bekas penagih dadah di kawasan perkampungan di daerah Kota Belud menunjukkan bahawa proses mengekalkan

pemulihan dan mencegah relaps dipengaruhi oleh interaksi pelbagai faktor sosial, ekonomi dan persekitaran. Dapatan kajian mengenal pasti tiga tema utama, iaitu stigma sosial, tekanan ekonomi dan pengaruh rakan sebaya sebagai cabaran yang meningkatkan kerentanan terhadap relaps. Pada masa yang sama, sokongan sosial dan motivasi diri muncul sebagai faktor perlindungan yang membantu informan mengekalkan pemulihan dan membina semula kehidupan mereka selepas menjalani proses rehabilitasi.

Stigma sosial sebagai penghalang reintegrasi sosial

Dapatan kajian menunjukkan bahawa stigma sosial merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh bekas penagih dadah dalam usaha mengekalkan pemulihan. Walaupun informan telah menjalani proses rehabilitasi dan tidak lagi terlibat dalam penyalahgunaan dadah, mereka masih terus dikaitkan dengan identiti sebagai “bekas penagih”. Keadaan ini menunjukkan bahawa proses pemulihan sosial tidak semestinya berlaku seiring dengan pemulihan daripada ketagihan. Dalam banyak keadaan, masyarakat masih menilai individu berdasarkan sejarah lampau mereka berbanding perubahan yang telah dicapai. Stigma yang berterusan ini memberi kesan terhadap keyakinan diri dan kemampuan informan untuk membina semula hubungan sosial dalam komuniti. Informan menyatakan:

“Kalau pandangan (negatif) masyarakat tu selalu ada tapi sebolehnya janganlah difikir, yang penting pasal kesihatan kita duluan sebab dalaman akan rosak. Sebab orang yang kena benda tu memang tidak akan dengar cakap, penat saja dinasihat.”
(Informan A, temu bual pada 18 April 2026)

Walaupun kenyataan tersebut memperlihatkan usaha informan untuk mengabaikan pandangan negatif masyarakat, ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa stigma sosial masih menjadi sebahagian daripada realiti kehidupan mereka selepas pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemulihan daripada ketagihan tidak semestinya disertai oleh penerimaan sosial yang sepenuhnya dalam komuniti. Walaupun informan telah berhenti menggunakan dadah, mereka masih berhadapan dengan persepsi negatif yang mempengaruhi interaksi sosial dan hubungan mereka dengan masyarakat setempat. Dalam konteks komuniti luar bandar yang mempunyai hubungan sosial yang rapat, pengalaman lampau sebagai penagih terus menjadi rujukan dalam penilaian masyarakat terhadap diri mereka, sekali gus menjadikan stigma sebagai cabaran yang berpanjangan dalam usaha mengekalkan pemulihan. Dapatan ini selari dengan kajian Jasni et al. (2025) dan Mohamad et al. (2024) yang menunjukkan bahawa stigma sosial terus menjadi penghalang kepada penerimaan semula bekas penagih dalam masyarakat.

Tekanan ekonomi dan kerentanan terhadap relaps

Analisis kajian menunjukkan bahawa tekanan ekonomi merupakan cabaran yang saling berkait dengan proses pemulihan. Informan bukan sahaja berhadapan dengan kesan kewangan akibat penyalahgunaan dadah pada masa lalu, malah turut mengalami kesukaran membina semula kestabilan ekonomi selepas menjalani pemulihan. Situasi ini mewujudkan keadaan yang boleh meningkatkan kerentanan terhadap relaps. Salah seorang informan menyatakan:

“Masalah besar sekarang ini adalah pasal duit. Bila dipikir, kalau saya tidak makan benda tu, banyak benda saya sudah dapat. Belanja sebulan untuk benda tu kalau dikira-kira RM1000 hingga RM2000, boleh sudah saya dapat kereta.” (Informan B, temu bual pada 20 April 2026)

Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa informan menilai semula pengalaman lampau mereka melalui lensa kerugian ekonomi yang dialami. Kesedaran terhadap peluang ekonomi yang hilang menjadi sebahagian daripada proses refleksi diri selepas pemulihan. Namun demikian, tekanan ekonomi tidak hanya berpunca daripada kesan penggunaan dadah pada masa lalu. Beberapa informan turut menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan akibat stigma yang masih dilekatkan kepada mereka.

“Susah dapat kerja. Orang tidak mau pakai kita sebab orang tahu kita ni kena syabu. Orang fikir kita ni tidak amanah, dua tiga hari rajin kerja tapi bila tiada barang sudah, mahu tidur saja, stress mahu mengamuk. Ada yang sampai pukul isteri sebab tiada sudah barang itu.” (Informan C, temu bual pada 22 April 2026)

Dapatan ini menunjukkan bahawa tekanan ekonomi dan stigma sosial bukanlah faktor yang berdiri secara berasingan, sebaliknya saling berkait dan memperkukuh antara satu sama lain. Pelabelan negatif terhadap bekas penagih menghadkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil, manakala ketidakstabilan ekonomi pula meningkatkan tekanan hidup yang boleh menjejaskan usaha pemulihan. Penemuan ini menyokong kajian McCoy et al. (2018) yang mendapati bahawa pengangguran dan kemiskinan merupakan antara faktor utama yang meningkatkan risiko relaps dalam kalangan bekas penagih dadah. Begitu juga, diskriminasi pasaran kerja menyebabkan bekas penagih terus terperangkap dalam kitaran marginalisasi sosial dan ekonomi. Dalam konteks kajian ini, tekanan ekonomi bukan sekadar isu kekurangan pendapatan, tetapi mencerminkan kedudukan sosial bekas penagih yang masih berhadapan dengan halangan untuk mendapatkan akses kepada peluang ekonomi yang lebih baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemulihan yang berjaya memerlukan bukan sahaja perubahan tingkah laku individu, tetapi juga peluang ekonomi yang membolehkan mereka membina kehidupan yang lebih stabil dan bermakna.

Pengaruh rakan sebaya dan budaya penyalahgunaan dadah

Pengaruh rakan sebaya juga dikenal pasti sebagai faktor penting yang menyumbang kepada risiko relaps. Sebahagian informan menyatakan bahawa hubungan dengan rakan lama yang masih terlibat dengan dadah memberi pengaruh negatif dan mendorong kepada keinginan untuk kembali menagih. Kekurangan sokongan sosial yang positif turut meningkatkan risiko tersebut. Seorang informan menjelaskan bahawa selepas dibebaskan dari penjara, beliau pada awalnya tidak kembali menggunakan dadah. Namun, pengaruh rakan lama yang masih terlibat menyebabkan beliau kembali terjebak. Walaupun terdapat keinginan untuk menolak, pengaruh sosial tersebut menyukarkan proses pemulihan. Situasi ini diakui informan seperti dalam hasil temu bual berikut:

“Pengaruh rakan lah juga itu, sebab ada kawan bawa-bawa balik (menyalahgunakan dadah) tulah masa saya keluar dari penjara 3 tahun begitu. Awal-awal

tidak lagi makan tapi kawan-kawan bawa, nah itulah terjebak (semula). Kadang-kadang kemahuan kita juga, mahu lawan rasa tu, sebab itu AADK bilang pengaruh rakan ni sangat bahaya.” (Informan D, temu bual pada 25 April 2026)

Hasil temu bual tersebut menunjukkan bahawa relaps bukan semata-mata berpunca daripada kelemahan individu, tetapi turut dipengaruhi oleh persekitaran sosial yang membentuk kehidupan harian mereka. Dalam komuniti luar bandar yang mempunyai hubungan sosial yang rapat, pemutusan hubungan dengan rakan lama bukanlah sesuatu yang mudah kerana interaksi sosial berlaku secara berterusan dalam kehidupan seharian. Keadaan ini menyebabkan bekas penagih terus terdedah kepada pengaruh dan norma yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, sekali gus meningkatkan kerentanan terhadap relaps. Penemuan ini selari dengan Teori Pergaulan Berbeza oleh Sutherland (1947) yang menjelaskan bahawa tingkah laku devian dipelajari dan dikekalkan melalui interaksi sosial yang berterusan dengan individu yang menyokong tingkah laku tersebut. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian oleh Dahl dan Gornik (2021), Said et al. (2021), serta Kelly et al. (2006) yang menunjukkan bahawa jaringan sosial yang didominasi oleh pengguna dadah merupakan antara faktor yang meningkatkan risiko relaps. Oleh itu, usaha mengekalkan pemulihan tidak hanya memerlukan perubahan pada peringkat individu, tetapi juga melibatkan pembentukan jaringan sosial yang lebih positif bagi menyokong perubahan tingkah laku yang berterusan.

Motivasi diri dan sokongan keluarga

Kajian ini turut mendapati bahawa motivasi diri yang tinggi serta sokongan keluarga berperanan sebagai faktor perlindungan dalam mengekalkan pemulihan. Faktor ini membantu mengurangkan kecenderungan relaps walaupun informan berhadapan dengan tekanan sosial dan ekonomi. Seorang informan menjelaskan bahawa faktor utama yang mendorong beliau untuk berhenti menyalahgunakan dadah adalah kesedaran diri dan keinginan untuk melawan ketagihan. Beliau turut menyatakan bahawa ketagihan dadah tidak mempunyai penawar selain kekuatan pemikiran untuk berubah. Di samping itu, beliau menyedari kesan negatif jangka panjang seperti pembaziran wang, masalah kesihatan dan ketidakstabilan pekerjaan. Seorang informan menjelaskan:

“Kalau ubat memang tiada ubatnya, kecuali pemikiran tu mahu lawan... bila dah lama guna, banyak keburukan dia, duit habis, dapat sakit, kerja pun tiada ketentuan.” (Informan A, temu bual pada 18 April 2026)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa informan melihat pemulihan sebagai satu proses yang memerlukan kesedaran diri, komitmen dalaman dan kesediaan untuk mengubah kehidupan. Namun demikian, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa motivasi diri sahaja tidak mencukupi sekiranya tidak disokong oleh persekitaran sosial yang positif. Dalam kebanyakan kes, keluarga berfungsi sebagai sumber sokongan emosi, sosial dan moral yang membantu bekas penagih menghadapi cabaran pasca-pemulihan serta mengekalkan perubahan tingkah laku yang telah dicapai. Penemuan ini selari dengan kajian Zaidi (2020), Nasir et al. (2020), Atadokht et al. (2015) dan Talib (2012) yang mendapati bahawa sokongan keluarga merupakan antara faktor perlindungan yang paling signifikan dalam mengurangkan risiko relaps dan meningkatkan kestabilan pemulihan jangka panjang. Oleh itu, kejayaan pemulihan dapat difahami sebagai hasil gabungan antara agensi individu dan sokongan sosial yang disediakan oleh keluarga.

Gabungan kedua-dua elemen ini membolehkan bekas penagih menghadapi cabaran stigma sosial, tekanan ekonomi dan pengaruh rakan sebaya dengan lebih berkesan.

Kajian ini menunjukkan bahawa cabaran dalam mengekalkan pemulihan dan mencegah relaps dalam kalangan bekas penagih dadah di kawasan luar bandar Kota Belud dipengaruhi oleh interaksi faktor sosial, ekonomi dan persekitaran. Dapatan kajian mendapati bahawa stigma sosial, tekanan ekonomi dan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor utama yang meningkatkan kerentanan terhadap relaps, manakala motivasi diri dan sokongan keluarga berfungsi sebagai faktor perlindungan yang membantu bekas penagih mengekalkan pemulihan. Dari aspek stigma sosial, kajian ini menunjukkan bahawa bekas penagih dadah masih berhadapan dengan pelabelan negatif walaupun telah menjalani proses rehabilitasi. Keadaan ini selari dengan konsep *spoiled identity* yang diketengahkan oleh Goffman (1963), iaitu keadaan apabila identiti seseorang terus ditafsir melalui sejarah penyimpangan yang pernah dilakukan. Dalam konteks komuniti luar bandar yang mempunyai hubungan sosial yang rapat, proses pelabelan sosial menjadi lebih ketara kerana sejarah individu lebih mudah diketahui dan disebarkan dalam komuniti. Akibatnya, proses reintegrasi sosial menjadi lebih sukar, sekali gus menjejaskan keyakinan diri dan penerimaan sosial bekas penagih. Ini bermakna stigma sosial terus menjadi penghalang kepada penerimaan semula bekas penagih dalam masyarakat dan boleh meningkatkan risiko pengasingan sosial selepas pemulihan sebagaimana yang diketengahkan dalam kajian-kajian terdahulu (Jasni et al., 2025; Mohamad et al., 2024; Link dan Phelan, 2001).

Dari sudut ekonomi, kajian ini mendapati bahawa kesukaran mendapatkan pekerjaan dan ketidakstabilan pendapatan merupakan cabaran yang berterusan selepas pemulihan. Situasi ini menunjukkan bahawa pemulihan bukan sekadar melibatkan penghentian penggunaan dadah, tetapi turut berkait dengan keupayaan individu membina semula kestabilan ekonomi dan kehidupan sosial. Dapatan ini menyokong kajian McCoy et al. (2018) yang menunjukkan bahawa ketidakstabilan ekonomi meningkatkan risiko relaps dalam kalangan bekas penagih. Dalam konteks ini, tekanan ekonomi bukan sahaja berpunca daripada kekurangan peluang pekerjaan, tetapi turut dipengaruhi oleh diskriminasi sosial yang berterusan terhadap bekas penagih dadah. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya masih menjadi cabaran utama dalam usaha mengekalkan pemulihan. Selari dengan Teori Pergaulan Berbeza oleh Sutherland (1947) yang menjelaskan bahawa tingkah laku devian dipelajari dan dikekalkan melalui interaksi sosial yang berulang, hubungan berterusan dengan rakan-rakan yang masih terlibat dalam penyalahgunaan dadah meningkatkan risiko relaps dan menyukarkan usaha untuk menjarakkan diri daripada tingkah laku devian dalam kalangan informan. Dalam komuniti yang kecil dan mempunyai hubungan sosial yang rapat sebagaimana di kawasan kajian, pengaruh rakan sebaya menjadi lebih signifikan kerana interaksi berlaku secara berterusan dalam kehidupan harian. Situasi ini menunjukkan bahawa stigma sosial terus menjadi penghalang kepada penerimaan semula bekas penagih dalam masyarakat dan boleh meningkatkan risiko pengasingan sosial selepas pemulihan (Jasni et al., 2025; Mohamad et al., 2024; Link dan Phelan, 2001).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi diri dan sokongan keluarga memainkan peranan penting sebagai faktor perlindungan. Motivasi diri membantu bekas penagih mengekalkan komitmen terhadap perubahan yang telah dicapai, manakala sokongan keluarga menyediakan sumber emosi dan sosial yang membantu mereka menghadapi tekanan selepas pemulihan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kejayaan pemulihan tidak hanya bergantung kepada kekuatan individu, tetapi

turut memerlukan kewujudan jaringan sokongan sosial yang positif dan berterusan. Penemuan ini selari dengan kajian Zaidi (2020), Nasir et al. (2020), Atadokht et al. (2015) dan Talib (2012) yang menunjukkan bahawa sokongan keluarga dan hubungan sosial yang positif merupakan antara faktor perlindungan yang paling penting dalam mengurangkan risiko relaps serta meningkatkan kestabilan pemulihan jangka panjang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa relaps dalam kalangan bekas penagih dadah bukanlah isu yang bersifat individu semata-mata, tetapi merupakan hasil interaksi antara faktor sosial, ekonomi dan persekitaran yang membentuk pengalaman hidup mereka selepas pemulihan. Dari perspektif Sosiologi Jenayah, dapatan ini memperlihatkan bahawa perubahan tingkah laku devian tidak hanya bergantung kepada intervensi individu, tetapi turut dipengaruhi oleh struktur sosial yang menyokong atau menghalang proses reintegrasi sosial. Oleh itu, pendekatan pemulihan yang lebih holistik perlu dilaksanakan dengan melibatkan keluarga, komuniti dan institusi berkaitan bagi memperkukuh sokongan pasca-pemulihan. Kajian ini turut mencadangkan agar program pemulihan diperluaskan kepada aspek pembangunan ekonomi, peluang pekerjaan dan pengurangan stigma sosial bagi mengurangkan risiko relaps serta meningkatkan keberkesanan pemulihan jangka panjang, khususnya dalam komuniti luar bandar.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada Dr. Maine Suadik selaku penyelia kajian atas bimbingan ilmiah, nasihat bernas dan sokongan berterusan yang amat bermakna dalam memastikan kelancaran serta kualiti kajian ini. Kajian ini dibiayai oleh pengarang sendiri.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (2025): Laporan Statistik Dadah Malaysia. – Agensi Antidadah Kebangsaan, Malaysia 100p.
- [2] Ariffin, N.M., Nasir, N.C.M., Kamaluddin, M.R. (2019): Faktor-faktor penagihan semula dalam kalangan belia. – Malaysian Journal of Youth Studies 20: 73-83.
- [3] Atadokht, A., Hajloo, N., Karimi, M., Narimani, M. (2015): The role of family expressed emotion and perceived social support in predicting addiction relapse. – International Journal of High Risk Behaviors & Addiction 4(1): 5p.
- [4] Baba, H., Sulaiman, W.S.W., Ibrahim, F., Sarnon, N. (2018): Faktor-faktor penyumbang kecenderungan situasi berisiko tinggi dalam kalangan penagih dadah berulang di Malaysia. – Jurnal Psikologi Malaysia 32(2): 12p.
- [5] Becker, H.S. (1963): Outsiders: Studies in the Sociology of Deviance. – Free Press, New York 179p.

- [6] Best, D., Beckwith, M., Haslam, C., Haslam, S.A., Jetten, J., Mawson, E., Lubman, D.I. (2016): Overcoming alcohol and other drug addiction as a process of social identity transition: The social identity model of recovery (SIMOR). – *Addiction Research & Theory* 24(2): 111-123.
- [7] Braun, V., Clarke, V. (2006): Using thematic analysis in psychology. – *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- [8] Creswell, J.W., Poth, C.N. (2016): *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. – SAGE Publications 488p.
- [9] Dahl, T., Gornik, L. (2021): Peer influence and substance relapse risk among recovering drug users. – *Journal of Substance Abuse Treatment* 125: 108-115.
- [10] Flores, D. (2022): How can economic and social marginalization explain Mexico's drug war violence? An assessment of the role that poverty and social marginalization plays in explaining variations in homicide rates. – Pitzer College, Claremont Colleges Library 30p.
- [11] Goffman, E. (1963): *Stigma: Notes on the Management of Spoiled Identity*. – Prentice-Hall, Englewood Cliffs 147p.
- [12] Gupta, Y.K. (2024): Exploring crime from a sociological perspective. – *International Journal of Dynamic Educational Research Society* 5(2): 47-56.
- [13] Hussin, A., Ismail, R. (2018): Kebolehgajian bekas penagih dadah dari perspektif majikan. – *Jurnal Wacana Sarjana* 2(1): 1-14.
- [14] Hussin, Z., Kantasamy, V.A., Ahmad, S.R. (2020): Profil dan tahap harga diri penagih berulang dalam kalangan Orang Kena Pengawasan (OKP) di IPD Tangkak, Johor, Malaysia. – *e-BANGI Journal* 17(9): 12p.
- [15] Ibrahim, N., Ismail, R., Amit, N., Tambi, N., Selamat, M.N., Abd Razak, M.A., Ahmad, N.A., Shafurdin, N.S. (2018): Perbandingan tahap pengetahuan, sikap dan kesan dadah dalam kalangan remaja sekolah berisiko. – *Jurnal Psikologi Malaysia* 38(2): 114-126.
- [16] Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Omar, N., Nasir, N.C.M. (2021): Memahami residivisme: Tinjauan asas teori-teori utama tingkah laku jenayah. – *The Malaysian Journal of Social Administration* 15: 44-66.
- [17] Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z.M., Shahid, K.M., Azman, Z. (2018): Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. – *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 10(2): 34-44.
- [18] Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z.M., Shahid, K.M., Omar, N., Azman, Z. (2019): Had fungsi rumah perantaraan sebagai penempatan sementara untuk bekas banduan di Malaysia. – *Akademika* 89(2): 17-31.
- [19] Jasni, M.A., Jamaluddin, Z., Mat Ali, N.A., Azmy, M.M., Sohaimi, N.S., Sofi Mohd Fikri (2025): Tahap kesejahteraan hidup penentu risiko gelandangan dalam kalangan gelandangan bekas banduan: Kajian empirikal di Jalan Chow Kit. – *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 17(1): 80-98.
- [20] Kelly, J.F., Stout, R., Zywiak, W., Schneider, R. (2006): A 3-year study of addiction mutual-help group participation following intensive outpatient treatment. – *Alcoholism: Clinical and Experimental Research* 30(8): 1381-1392.
- [21] Link, B.G., Phelan, J.C. (2001): Conceptualizing stigma. – *Annual Review of Sociology* 27: 363-385.
- [22] Link, B.G., Phelan, J.C., Yang, L.H. (2018): Stigma and discrimination in mental illness. – *Annual Review of Sociology* 20p.
- [23] McCoy, H.V., McGuire, J., Wilson, J. (2018): Economic stress and relapse among substance users. – *Social Work in Public Health* 33(4): 205-218.
- [24] Mohamad, M.S., Ibrahim, F., Kamaluddin, M.R., Voothayakumar, D. (2024): Hubungan di antara stigma sosial dan sokongan sosial terhadap penglibatan aktiviti masyarakat dalam kalangan bekas banduan. – *e-BANGI* 21(3): 407-415.

- [25] Nasir, N.C.M., Kamaluddin, M.R., Jasni, M.A. (2020): Faktor risiko tingkah laku relaps dadah dalam kalangan pelatih wanita di Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC). – *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(2): 12p.
- [26] National Institute on Drug Abuse (NIDA) (2020): *Drugs, Brains, and Behavior: The Science of Addiction*. – U.S. Department of Health and Human Services, Bethesda 32p.
- [27] Noor, N.M., Kamarudin, N. (2015): Kerinduan atau ketagihan terhadap dadah: Punca belia kecundang dan kembali menagih. – In: *International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* 10p.
- [28] Said, M.H.M., Ali, P.M., Som, F.H.M., Daud, S.N.M., Osman, N.A. (2021): Faktor-faktor yang mempengaruhi relaps Orang Kena Pengawasan (OKP) dalam penagihan dadah: Kajian kes di Felda Keratong. – *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 6(S2): 23-28.
- [29] Seddon, T. (2010): *A History of Drugs: Drugs and Freedom in the Liberal Age*. – Routledge, London 248p.
- [30] Sutherland, E.H. (1947): *Principles of Criminology*. – J.B. Lippincott Company, Philadelphia 643p.
- [31] Talib, M.A. (2012): Penagih dadah dan keadaan berisiko tinggi kembali relaps. – *e-BANGI* 7(1): 38-49.
- [32] United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) (2024): *World Drug Report 2024*. – United Nations Office on Drugs and Crime, Vienna 200p.
- [33] Volkow, N.D., Koob, G.F., McLellan, A.T. (2016): Neurobiologic advances from the brain disease model of addiction. – *New England Journal of Medicine* 374(4): 363-371.
- [34] Xian, H., Chantarujikapong, S.I., Scherrer, J.F., Eisen, S.A., Lyons, M.J., Goldberg, J., Tsuang, M., True, W.R. (2000): Genetic and environmental influences on posttraumatic stress disorder, alcohol and drug dependence in twin pairs. – *Drug and Alcohol Dependence* 61(1): 95-102.
- [35] Zaidi, U. (2020): Role of social support in relapse prevention for drug addicts. – *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 13(1): 915-924.